

27/06/2003

Pak Lah yakin ikrar tiga naib presiden

Kadir Dikoh; Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau tidak menghadapi banyak masalah untuk memilih timbalannya nanti kerana semua tiga naib presiden dan pemimpin kanan Umno lain sudah berikrar untuk menyokong sesiapa saja yang dipilih.

Timbalan Perdana Menteri juga mengulangi keyakinannya bahawa Datuk Seri

Najib Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak

akan mungkir janji kerana ketiga-tiganya disifatkan sebagai pemimpin yang

baik dan jujur.

Ditanya kemungkinan Timbalan Perdana Menteri yang dipilih nanti dicabar

pada pemilihan parti tahun depan seperti yang berlaku ke atas Tun Ghafar Baba pada 1993 yang terpaksa menarik diri daripada mempertahankan jawatan

Timbalan Presiden Umno selepas menerima cabaran Datuk Seri Anwar Ibrahim,

beliau berkata: "Itu Anwar."

Pada pemilihan 1993, Anwar pada mulanya berjanji tidak akan mencabar Ghafar bagi jawatan Timbalan Presiden Umno, tetapi mengubah keputusannya menjelang perhimpunan agung parti.

Ketika itu, sistem undi bonus diguna pakai yang memihak kepada Anwar apabila mendapat 143 pencalonan yang secara automatik juga meraih 1,430 undi berbanding Ghafar tujuh atau 70 undi.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam Ke-8 di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara di sini semalam, Abdullah menasihatkan orang ramai terutama media supaya tidak membuat spekulasi mengenai perkara itu.

"Jangan buat spekulasi.... biar macam itu," katanya yang turut mengingatkan ahli Umno supaya tidak lagi mempersoalkan ikrar tiga naib presiden untuk tidak mencabar sesiapa saja yang dipilihnya sebagai Timbalan Perdana Menteri, bagi jawatan Timbalan Presiden Umno pada pemilihan tahun depan.

Abdullah berkata, tiga naib presiden itu secara terbuka membuat janji di

hadapan lebih 2,000 perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 minggu lalu sehingga mendapat tepukan gemuruh.

"Dah macam itu, mereka akan tetap dengan pendirian yang sudah diumumkan

itu. Saya tidak ragu-ragu dengan pendirian mereka kerana saya percaya mereka memahami betapa perlunya pendirian itu diumumkan dan dikekalkan sebagai pendirian yang baik untuk parti.

"Saya ingat, tak usahlah dok cerita mencurigai orang tak habis-habis. Berilah peluang kepada mereka, hargailah... mereka juga adalah pemimpin yang berwibawa dan mahu apa yang terbaik untuk parti," katanya.

Abdullah berkata, beliau akan membuat pengumuman mengenai pelantikan timbalannya sebaik memulakan tugas baru pada awal November, setelah

Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad bersara.

Ditanya sama ada beliau sudah membuat keputusan mengenai siapa di kalangan tiga naib presiden itu akan dilantik ke jawatan nombor dua dalam

kerajaan, Abdullah berkata: "Tidak, tidak, sebaik saja saya membuat keputusan, saya akan umum."

Beliau juga berkata Umno belum berbincang sama ada untuk mengadakan perhimpunan agung bagi ahli Umno seluruh negara untuk meraikan Dr Mahathir

sebelum melepaskan jawatan Presiden dan Perdana Menteri Oktober ini.

Katanya, pendirian Dr Mahathir untuk terus membantu Umno dan kepemimpinannya meskipun sudah bersara nanti, amat dihargai oleh seluruh anggota parti.

Sementara itu, Abdullah berharap barisan baru yang dilantik dalam penyusunan semula Kabinet Selasa lalu akan dapat menjalankan tugas serta tanggungjawab dengan baik.